

18/05/2003

Usah berlagak kaya: PM (HL)

Misiah Taib; Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat negara ini tidak

berlagak seperti orang yang sudah kaya hingga mendesak kerajaan memberi dan menyediakan kemudahan serta taraf hidup yang sama seperti di negara maju.

Perdana Menteri berkata:

"Kita belum lagi maju, (justeru) kita tidak boleh berlagak sebagai rakyat di negara maju. Kita harus berlagak sebagai orang yang belum maju, tidak mendesak atau menuntut lebih daripada yang mampu diberi oleh kerajaan.

"Insya-Allah negara kita akan terus aman dan sedikit demi sedikit kita akan mencapai kemajuan," katanya pada perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Perdana Menteri berkata, pekerja di negara yang sudah maju menganggap diri mereka tidak perlu bekerja kuat dan mereka boleh mendapat upah yang tinggi tanpa bekerja kuat, sehingga ada negara yang menghadkan waktu bekerja setakat 35 jam seminggu dengan upah yang diberi 10 kali ganda lebih daripada pekerja di negara ini.

"Ini kerana mereka sudah maju dan mereka percaya mereka tak perlulah bekerja kuat, tetapi mendapat cuti panjang dan gaji yang tinggi. Tetapi kita tidak boleh berbuat demikian.

"Kita mesti bekerja lebih kuat kerana kita perlu mengejar mereka. Tak mungkin kita dapat sama dengan mereka kalau kita tidak lari lebih kuat daripada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, pekerja di Malaysia perlu bekerja lebih kuat berbanding pekerja di negara maju kerana jika mereka tidak bekerja kuat, tidak akan ada pelaburan masuk ke negara ini dan ia akan merugikan semua pihak.

"Sebab itulah kita tidak boleh berlagak sebagai orang yang sudah maju. Kita perlu berjuang untuk memajukan negara iaitu satu perjuangan untuk diri kita sendiri kerana kita yang akan dapat nikmat daripadanya," katanya.

Mengenai cadangan supaya hari bekerja dikurangkan kepada lima hari seminggu, beliau berkata kerajaan di negara ini belum mampu berbuat demikian kerana ia akan meningkatkan kos pengeluaran dan perkhidmatan.

"Waktu ini kita juga belum mampu untuk bekerja lima hari seminggu kerana

kita masih mengejar bangsa-bangsa yang maju. Kita perlu bekerja lebih kuat

dan lebih lama daripada mereka supaya kita dapat bersaing dengan mereka,"

katanya.

Beliau berkata, ada pihak memberi alasan bahawa bekerja pada Sabtu

tidak ada kerja yang dibuat dan pekerja hanya menunggu waktu untuk pulang pada tengah hari.

"Kalau setiap Sabtu dijadikan cuti kerana kita amalkan waktu bekerja lima hari seminggu, percayalah pada petang Jumaat selepas sembahyang, mungkin ada yang tak datang kerja pun kerana menganggap keesokan harinya mereka cuti, jadi tak perlulah pergi bekerja lagi pada petang Jumaat.

"Janganlah bagi alasan kononnya kita bekerja hari Sabtu, tak ada kerja yang dibuat. Saya melihat di pejabat saya, mereka yang bekerja dengan saya, ada yang bekerja hingga jam 7 petang, bukannya berhenti pada jam 1.

Inilah semangat untuk membangunkan negara, menjadikan kita sebuah negara maju," katanya.

Apabila negara ini maju tambah beliau, tidak dapat tidak, pekerja akan mendapat upah yang lebih tinggi berbanding ketika negara berada pada tahap negara membangun seperti sekarang.

Dr Mahathir mengambil contoh ketika negara ini baru merdeka pada 1957 gaji terendah pekerja kerajaan pada waktu itu ialah RM25 sebulan, berbanding lebih RM300 untuk gaji terendah pada masa sekarang.

Ketika baru merdeka katanya, rakyat Malaysia hanya 5 juta orang berbanding 24 juta pada masa sekarang dan tiap tahun 300,000 orang akan memasuki pasaran buruh kerana menamatkan pengajian mereka, yang mana kerajaan bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang pekerjaan ini.

Justeru beliau berkata, penting untuk pekerja di negara ini untuk sentiasa menentukan Malaysia berdaya saing supaya pelabur akan melabur dan ia seterusnya akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, sehingga permintaan untuk pekerja memaksa majikan menawar upah lebih tinggi.

"Inilah pendekatan kita, bukan dengan menguji kekuatan dan bukan dengan konfrantasi seperti falsafah di negara maju khususnya di barat. Falsafah mereka berasas kepada yang kuat mengambil segala-galanya untuk dirinya dan yang lemah akan kehilangan segala-galanya," katanya.

Beliau bersyukur kerana di Malaysia pekerja amat bertanggungjawab, tidak mudah mengambil tindakan perusahaan yang akan merugikan mereka dan negara, sebaliknya rela berunding serta tidak membuat ugutan, serta sanggup menghadapi apa saja cabaran.

Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan hospital yang sanggup menghadapi bahaya yang mengancam nyawa dalam membendung serangan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Kita bersyukur kerana khidmat yang diberi oleh pekerja kita di hospital dan pekerja lain yang sanggup menghadapi cabaran dan bahaya yang mengancam nyawa mereka sekali pun," katanya.